



**KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA**



**SURAT ARAHAN KETUA PENGARAH
JABATAN PENGAJIAN POLITEKNIK
BIL. 8/2015**

**ARAHAN DALAMAN PENGGUNAAN GIMNASIUM
JABATAN PENGAJIAN POLITEKNIK**

KANDUNGAN

1. Tujuan	3
2. Masa Beroperasi	3
3. Peraturan-Peraturan Penggunaan Gimnasium.....	3
4. Arahan Pelaksanaan	4
5. Kuatkuasa	4

1.0 TUJUAN

Tujuan Arahan ini adalah untuk memberi garis panduan penggunaan Gimnasium JPP di Aras 5, Bangunan Galeria Pjh, Presint 4 dan dibuka kepada semua warga Jabatan Pengajian Politeknik.

2.0 MASA OPERASI

Masa operasi Gimnasium bagi kakitangan lelaki adalah pada ketetapan berikut:

Hari : Isnin, Rabu dan Jumaat
Masa : 5.30 Petang

Masa operasi Gimnasium bagi kakitangan wanita pula adalah pada ketetapan berikut:

Hari : Selasa dan Khamis
Masa : 5.30 Petang

3.0 PERATURAN – PERATURAN PENGGUNAAN GIMNASIUM

- 3.1 Penggunaan terbuka kepada semua warga JPP yang berumur 18 tahun ke atas.
- 3.2 Pengguna diwajibkan berpakaian sukan lengkap dan menutup aurat.
- 3.3 Pengguna diwajibkan memakai kasut sukan khas untuk penggunaan di gimnasium sahaja (tidak dibenarkan memakai 'open toe shoe', sandal atau selipar).
- 3.4 Pengguna diwajibkan membawa tuala semasa latihan dan sentiasa bersihkan peluh anda pada peralatan selepas digunakan.
- 3.5 Semua pengguna mesti mengikut arahan dan panduan menggunakan peralatan senaman.
- 3.6 Pengguna dibenarkan membawa air.
- 3.7 Pengguna tidak dibenarkan membawa masuk sebarang bentuk makanan.
- 3.8 Pengguna tidak dibenarkan merokok.
- 3.9 Barang peribadi adalah di atas tanggungan sendiri. Pihak pengurusan gimnasium tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan atau kerosakan barang peribadi pelanggan.
- 3.10 Laporkan kerosakan peralatan kepada Unit Pentadbiran, Bahagian Khidmat Pengurusan, Jabatan Pengajian Politeknik.
- 3.11 Dilarang membuat bising semasa berada di dalam gimnasium.
- 3.12 Pengguna tidak dibenarkan membawa keluar sebarang peralatan gim tanpa kebenaran pihak pengurusan gimnasium.
- 3.13 Pengguna tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan.
- 3.14 Dilarang mengalihkan peralatan di gimnasium sesuka hati.
- 3.15 Pengguna harus bertanggungjawab di atas kerosakan peralatan yang sengaja dilakukan semasa latihan diadakan.
- 3.16 Pengguna mestilah menyimpan semula barang-barang dan peralatan di tempat asal setelah selesai sesi latihan.

- 3.17 Semua pengguna harus menjaga kebersihan di dalam gimnasium.
- 3.18 Pihak Jabatan tidak akan menanggung sebarang ganti rugi jika berlaku sebarang kecederaan di atas kecuaiian pelanggan.

4. ARAHAN PELAKSANAAN

Dengan Surat Arahan Ketua Pengarah ini, semua warga JPP perlu mematuhi peraturan penggunaan alat kelengkapan gimnasium seperti yang telah ditetapkan.

5. KUATKUASA

Arahan ini **berkuatkuasa serta-merta** dan sah selagi Surat Arahan Ketua Pengarah ini tidak di pinda atau di batalkan.



(YBHG. DATUK HJ. MOHLIS BIN JAAFAR)

KPT/ JPP/BKP(S)/07/01/025(8)

16 Januari 2015